

# PM syor bina universiti ASEAN

Um = 9/8/2008

Langkah seumpama itu boleh memupuk identiti ASEAN dalam pemikiran generasi muda ASEAN

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

**KUALA LUMPUR** 8 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan sebuah universiti ASEAN dibina bagi melahirkan masyarakat serantau yang mempunyai identiti ASEAN.

Perdana Menteri berkata, sekolah-sekolah ASEAN juga perlu memperkenalkan elemen kesedaran tentang ASEAN dalam kurikulum mereka.

"Langkah seumpama itu boleh memupuk identiti ASEAN dalam pemikiran generasi muda ASEAN," katanya ketika menyampaikan ceramah sempena Hari ASEAN ke-39 di sini hari ini.

Abdullah berkata, dalam tempoh 39 tahun akan datang, ASEAN harus menjadi pertubuhan serantau bersifat 'memberi tumpuan kepada masyarakat'.

Katanya, sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi merapatkan hubungan antara penduduk ASEAN.

Selain menganjurkan Mesyuarat Menteri-Menteri Pendidikan ASEAN pertama di Singapura pada Mac lalu, Malaysia juga mengadakan perundingan dengan ahli-ahli Parlimen ASEAN dan Persidangan Masyarakat Umum sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-11 di Kuala Lumpur Disember lalu, bertujuan membina hubungan antara masyarakat ASEAN.

Katanya, Hari ASEAN juga diadakan bertujuan mendekatkan ASEAN dengan masyarakat rantau ini. Tema Hari ASEAN tahun ini ialah 'ASEAN dan Generasi Muda'.

Abdullah berkata, masa depan ASEAN bergantung kepada usaha bersungguh-sungguh membina Komuniti ASEAN dan usaha memperkasakan institusi-institusi ASEAN.

"Kerajaan-kerajaan ASEAN boleh melaksanakan usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran generasi muda bagi menjadikan mereka modal insan berkualiti.

"Bagi tujuan itu, Malaysia merancang melaksanakan pakej pembangunan belia di bawah program kerjasama teknikal untuk disertai oleh negara-negara anggota ASEAN," katanya.

Menurutnya, ASEAN juga perlu mencari formula yang betul bagi mengekalkan kedudukannya sebagai pertubuhan serantau yang mampu bertahan dan berkembang.

Beliau berkata, dalam membuat perancangan bagi masa depan ASEAN, pertubuhan serantau itu perlu melaksanakan dasar berkembar iaitu pemuliharaan dan inovasi.

Menurut Abdullah, dengan mendukung prinsip-prinsip dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) yang ditanda-



**ABDULLAH** Ahmad Badawi menerima cenderahati daripada Setiausaha Agung ASEAN, Ong Keng Yong sambil diperhatikan oleh Menteri Luar, Syed Hamid Albar pada majlis ceramah sempena Hari ASEAN Ke-39 di Kuala Lumpur, semalam.

tangani oleh pemimpin-pemimpin pengasas ASEAN, negara-negara anggota pertubuhan serantau itu mampu membina keyakinan sesama mereka.

"Negara-negara ASEAN mampu mengelakkan masalah dalaman dan dua hala daripada merebak dan memberi impak kepada perpaduan ASEAN.

"Semangat perjanjian itu juga menghalang pengaruh-pengaruh luar serantau daripada menjejaskan perpaduan dan kesatuan ASEAN," ujarnya.

Abdullah berkata, ASEAN perlu bersedia membuat perubahan sesuai dengan peredaran serantau dan cabaran-cabaran di peringkat global bagi menjadikan orga-

nisasi itu terus relevan.

Katanya, konsep dan prinsip-prinsip terkandung dalam TAC mungkin perlu dihalusi atau dikemas kini supaya ia terus relevan dan mampu bertindak balas kepada keperluan perubahan negara-negara anggota.

"Malahan, reaksi berbeza-beza terhadap perkembangan politik di Myanmar menyebabkan prinsip tidak campur tangan yang terkandung dalam TAC terdedah kepada perbahasan dan perbincangan.

"Saya percaya, Piagam ASEAN yang sedang digubal merupakan medan sesuai bagi mengemaskinikan semula prinsip-prinsip terkandung dalam TAC," katanya.

Beliau berkata, ASEAN sangat penting kepada Malaysia kerana ia mempunyai impak besar kepada dasar luar negara ini.

"Walaupun, Malaysia memberi perhatian serius kepada tanggungjawab dan keanggotaannya dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan sebagai anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Malaysia menghormati kedaulatan dan sikap tidak campur tangan dalam hubungannya dengan negara-negara lain.

"Tetapi dalam membina hubungannya dengan dunia luar, Malaysia menganggap ASEAN sebagai faktor penting merangka strategi pemikiran berhubung hal ehwal serantau dan antarabangsa," katanya.